

05/08/2003

Tindakan tegas jika abai keselamatan

TRAGEDI bot karam yang hampir mengorbankan nyawa 13 pelancong asing serta pemandu dan krew bot berkenaan seperti diceritakan seorang pelancong wanita Sweden ketika berdialog dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, di Kuantan kelmarin, sepatutnya dijadikan pengajaran oleh semua pihak, termasuk kerajaan dan pengusaha agensi pelancongan. Jika tidak kerana pendedahan itu, mungkin tidak ramai yang mengetahui masalah berkenaan, khususnya membabitkan keselamatan pelancong yang menggunakan kemudahan bot untuk berkunjung ke pulau peranginan. Perkara ini bukan saja boleh menjejaskan imej negara, malah menggagalkan usaha kerajaan menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia.

Amat menyedihkan ketika industri pelancongan kita baru saja pulih daripada kesan kelembapan akibat Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan ancaman keselamatan di pulau peranginan di perairan Sabah, kita dikejutkan pula oleh kes pengusaha bot pelancong beroperasi tanpa lesen dan insurans, tiada jaket keselamatan dan membawa penumpang berlebihan. Walaupun hampir setiap tahun ada saja tragedi bot karam, masih ada pengusaha bot yang degil. Buktinya, pengalaman Eva Bramanis dan 12 pelancong lain yang hampir maut apabila bot dinaiki dari Pulau Perhentian Besar ke Kuala Besut, Terengganu, karam Isnin lalu, jelas menunjukkan ada pengusaha bot hanya mementingkan keuntungan daripada keselamatan penumpang.

Malah, saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya dikaji keperluan tindakan diambil terhadap pengusaha bot yang tidak menguatkuasakan pemakaian jaket keselamatan selepas tragedi bot karam di Tasik Banding, Grik, Perak, yang mengorbankan lapan nyawa pada Mei tahun lalu, tidak diberi perhatian serius. Oleh itu, sudah tiba masanya pihak berkuasa, khususnya Jabatan Laut dan Syahbandar, mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha bot yang degil ini. Malah, mereka yang didapati bersalah melanggar peraturan sepatutnya diharamkan terus daripada menjalankan operasi kerana selain membahayakan nyawa penumpang, ia juga memberi imej buruk kepada industri pelancongan negara.

Sebenarnya, bukan pengusaha atau jurumudi bot saja yang patut dipersalahkan, malah penumpang turut bertanggungjawab. Jika diperhatikan, tidak ramai penumpang yang mengambil berat mengenai keselamatan nyawa mereka. Mereka rimas jika disuruh memakai jaket keselamatan. Malah, ada yang menganggap pemakaian jaket keselamatan seolah-olah satu beban. Kita berharap pihak berkuasa dapat memberi perhatian serius terhadap masalah ini dan kementerian pula janganlah hanya sekadar memberi alasan pemantauan terhadap pengusaha bot bukan tanggungjawab mereka.